

Pusat Al Insyirah Inspirasi Pelaksanaan M-ringgit AIM

*'Kami sentiasa sedia mencuba dan kami menyokong M-ringgit ini. Walaupun masih terdapat sedikit sebanyak kelemahan, kami akan terus laksanakan kalau boleh setiap minggu 100%'. Itu lontaran semangat puan Asmedah Daruis, Ketua Pusat Al Insyirah semasa menyampaikan ucapan aluan sempena program lawatan Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan AIM pada 20 Jun 2012. Pusat Al Insyirah di Kg Tok Muda, Kapar Selangor antara pusat terawal melaksanakan pembayaran melalui kaedah M-ringgit AIM. Pusat yang telah ditubuhkan pada 21 Februari 2005 mempunyai 12 kumpulan dengan 60 orang sahabat aktif mula menggunakan M-ringgit pada 30 Mac 2011. Dari tempoh tersebut 85 % kutipan mesyuarat pusat tidak lagi secara tunai tetapi menggunakan pindahan melalui *handphone* kepada AIM. "Baki 15% secara tunai disebabkan terdapat perbezaan antara jangkaan dan sebenar. Bila tidak sama kami jadikan tunai sahaja dan minggu depan bayar melalui M-ringgit semula. Semua kami mendaftar untuk M-ringgit. Kami harap sistem maklumat AIM memberikan data yang lebih tepat sebab kami mahu 100% M-ringgit"* kenyataan salah seorang sahabat pusat. Pemerhatian semasa mesyuarat pusat dijalankan, tempoh masa pengesahan kutipan hanyalah 2 minit sahaja berbanding purata 20 minit sebelum ini. Mesyuarat dengan agenda sempurna diikuti dapat diselesaikan lebih awal dan perjalanan mesyuarat begitu lancar sekali.



Sebahagian besar sahabat-sahabat pusat Al Insyirah di hadapan Dewan orang ramai Kg Tok Muda (tempat mesyuarat) bergaya dengan pakaian seragam pusat.

Pusat Al Insyirah telah memberikan inspirasi kepada AIM bahawa, disiplin diri, keyakinan dan kesanggupan mencuba adalah rahsia kejayaan walaupun perkara tersebut adalah sesuatu yang asing kepada sebahagian masyarakat masa kini. Mengikut rekod transaksi masyarakat Malaysia yang dikeluarkan oleh Bank Negara(2012), urusan transaksi melalui *Mobile Banking* adalah paling rendah digunakan berbanding transaksi tunai, cek, credit card, ATM dan Internet Banking. Di kawasan luar bandar tentunya transaksi melalui *mobile banking* adalah sesuatu yang begitu asing bagi masyarakat. Namun bagi sahabat AIM pengenalan sistem bayaran M-ringgit dengan kerjasama Bank Islam yang memperkenalkan I-TAP *mobile banking* telah menyerap satu lagi kaedah perbankan di hujung jari. Salah seorang sahabat di Tanah Merah Kelantan menyatakan, "*kak bayar pinjaman AIM dari Mekah*

sahaja, tak payah kirim pada sesiapa, tak perlu susahkan diri; boleh berada di mana-mana tanpa jejaskan bayar pinjaman kami". Pandangan tuan Haji Hashim Mohamad, salah seorang ahli Lembaga AIM yang turut serta di lawatan ke pusat Al Insyirah ini yakin, sekiranya sistem M-ringgit ini diterima baik dan dapat dilaksanakan ke seluruh cawangan AIM, dijangka Malaysia boleh mencapai negara maju pada 2015 bukan 2020 kerana majoriti sahabat AIM di luar bandar menjadi pemangkin hasrat kerajaan ini. Sesungguhnya, komitmen dan peranan yang telah dimainkan oleh sahabat, keluarga dan kakitangan AIM memberi harapan tinggi bahawa kaedah M-ringgit akan datang memacu sahabat selangkah lagi ke arah masyarakat berteknologi tinggi.

M-ringgit adalah satu kaedah kutipan bayaran sahabat menggunakan teknologi perbankan mudah alih (mobile banking). Ianya dilaksanakan melalui kerjasama AIM dengan Bank Islam Malaysia Berhad yang telah memperkenalkan I-TAP. Tujuan pelaksanaan M-ringgit ini adalah untuk mengurangkan kutipan tunai, memperkenalkan teknologi perbankan terkini, meningkatkan kecekapan operasi dan mewujudkan peluang pembangunan berterusan. AIM telah mencuba kaedah ini di 32 buah cawangan bermula pada Mac 2011 secara berperingkat. Sehingga kini, sejumlah RM191.2 juta bayaran sahabat dalam tempoh purata 10 bulan pelaksanaan telah dibayar menggunakan M-ringgit ini dengan jumlah 125 ribu transaksi. Sesungguhnya komitmen dan peranan sahabat serta semua pihak dalam menjayakan M-ringgit ini sangat dihargai. Pihak pengurusan sedang dan akan terus memantapkan lagi urusan ini. Syabas dan tahniah kepada semua sahabat pusat Al Insyirah khususnya dan semua sahabat yang mengambil bahagian. Pengorbanan dan komitmen anda amat membanggakan.



Sahabat menggunakan kaedah *mobile banking* untuk membayar pinjaman AIM dan berbagai-bagai lagi urusan perbankan dilaksanakan

FAKTA	TRANSAKSI	PENGLIBATAN
	<ul style="list-style-type: none"> ➤ RM 191,220,212 Bayaran ➤ 124,569 Transaksi oleh sahabat ➤ 10 bulan Purata pelaksanaan 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ 214 PEMBANTU AMANAH ➤ 1200 PUSAT ➤ 40,000 SAHABAT (43 %)

Oleh; Mazanah Abd Ghani (Unit Penyelidikan dan Pembangunan)